



Mazlan (tiga dari kiri) menunjukkan hasil rampasan pada sidang akhbar di IPK Kuala Lumpur semalam.

# Dadah bernilai RM2 juta dirampas

Tiga pengedar ditahan dijadikan apartmen sebagai stor simpan dadah

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

**KUALA LUMPUR**

**S**eramai tiga pengedar dadah ditahan secara berasingan di sekitar Kuala Lumpur sejak 3 Julai hingga kelmarin.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, polis turut merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM2 juta.

“Sepasukan anggota polis telah menahan seorang lelaki di tepi jalan Batu Bernam Jalan Ipoh pada jam 12.30 tengah hari pada 3 Julai lalu.

“Hasil pemeriksaan di da-

lam kereta Perodua Axia yang dinaiki suspek, kita menjumpai dadah jenis syabu seberat 500 gram,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini semalam.

Mazlan berkata, hasil siasatan lanjut, polis menyerbu sebuah apartmen di Jalan Metro Perdana jam 2.20 petang pada hari yang sama dan merampas dadah disyaki jenis syabu anggaran berat 300 gram dan menyita wang tunai RM1,300.

Beliau berkata, pihaknya kemudian menyerbu sebuah lagi apartmen pada jam 5.40 petang di Taman United di sini.

“Kita menahan seorang lelaki di tingkat enam kediaman itu dan merampas syabu seberat 30 kilogram, heroin (2.9 kg) dan 50,000 biji pil erimin 5,” katanya.

Menurutnya, kesemua dadah yang dirampas itu dijumpai di dalam unit kediaman yang dija-

dikan sebagai stor.

“Sindiket yang dipercayai aktif sejak tiga bulan lalu itu dipercayai mengedar dadah kepada pengedar dadah kecil-kecilan untuk pasaran sekitar Lembah Klang,” katanya.

Mazlan berkata, siasatan lanjut, pihaknya memberkas seorang lagi lelaki di sebuah kondominium di Jalan Kuchai Maju pada jam 11.30 malam 6 Julai lalu.

“Hasil pemeriksaan, kita menjumpai wang tunai RM394,000 di dalam kediaman itu,” katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut di dalam sebuah peti besi di kondominium sama, pihaknya menyita wang tunai RM201,080, pelbagai mata wang asing yang bernilai RM19,987.93 serta barang kemas bernilai RM284,505.

“Kesemua suspek berusia 28 hingga 35 tahun ditahan bagi membantu siasatan,” kata beliau.